



PUSPAKOM

Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

SOALAN LAZIM

KEMUDAHAN MYPUSPAKOM

UNTUK WAKIL PELANGGAN

1

Siapakah yang perlu mengaktifkan akaun sebagai WAKIL PELANGGAN?

Mana-mana wakil syarikat yang memberikan perkhidmatan menguruskan kenderaan hak milik syarikat lain atau kenderaan hak milik individu yang lain untuk menjalankan pemeriksaan di mana-mana cawangan PUSPAKOM.

2

Apakah kriteria yang diperlukan sebagai WAKIL PELANGGAN?

- Warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas
- Pemilik syarikat yang berdaftar dengan SSM
- BEBAS rekod jenayah
- TIDAK diisytihar muflis

3

Kenapa perlu aktifkan akaun WAKIL PELANGGAN?

Pengaktifan akaun WAKIL PELANGGAN adalah bertujuan untuk mewujudkan kerjasama antara PUSPAKOM dan wakil-wakil pelanggan untuk memastikan mereka dapat meneruskan perkhidmatan secara profesional dan tidak terlibat dengan unsur-unsur negatif seperti memberi atau menerima rasuah serta menjaga nama baik kedua-dua pihak.

4

Bagaimana cara mengaktifkan akaun WAKIL PELANGGAN?

Pengaktifan akaun WAKIL PELANGGAN boleh dilakukan melalui laman web MyPUSPAKOM dengan mengaktifkan akaun baharu dan memilih jenis akaun WAKIL PELANGGAN. Langkah-langkah untuk pengaktifan boleh merujuk ke:

<https://www.puspakom.com.my/mengaktifkan-akaun-wakil-pelanggan-mypuspakom/>

5

Apakah jenis lesen perniagaan yang dibenarkan untuk mengaktifkan akaun WAKIL PELANGGAN?

- Perniagaan jenis Milikan Tunggal (Enterprise),
- Sendirian Berhad
- Berhad
- Perniagaan berdaftar di bawah kerajaan negeri Sabah/Sarawak yang tidak mempunyai lesen perniagaan SSM
(perlu melampirkan dokumen lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan).

6

Apakah perbezaan jenis akaun SYARIKAT dan jenis akaun WAKIL PELANGGAN di dalam MyPUSPAKOM?

- Akaun SYARIKAT adalah bagi syarikat yang membawa dan menguruskan kenderaan hak milik syarikatnya sendiri ke mana-mana cawangan PUSPAKOM untuk menjalankan pemeriksaan.
- Akaun WAKIL PELANGGAN adalah bagi syarikat yang menyediakan perkhidmatan menguruskan kenderaan hak milik syarikat yang lain atau kenderaan hak milik individu yang lain untuk di bawa ke mana-mana cawangan PUSPAKOM bagi menjalankan pemeriksaan.

7

Adakah terdapat lain-lain saluran bagi mengaktifkan akaun WAKIL PELANGGAN seperti melalui e-mel, Facebook atau cawangan-cawangan PUSPAKOM?

Pengaktifan akaun WAKIL PELANGGAN hanya boleh dibuat melalui laman web MyPUSPAKOM sahaja.

8 Berapakah pembawa yang boleh didaftarkan oleh WAKIL PELANGGAN dan adakah pembawa perlu dilantik dari kakitangan syarikat WAKIL PELANGGAN sahaja?

WAKIL PELANGGAN boleh melantik sehingga 5 orang pembawa kenderaan sama ada dari kalangan kakitangan sendiri ataupun lain-lain individu.

9 Sekiranya ada di antara pembawa yang telah didaftarkan telah tiada, bolehkah saya menggantikan kekosongan pembawa tersebut dengan yang lain?

Ya, anda boleh mendaftar individu lain dengan mengemaskini maklumat pembawa bagi mengisi kekosongan pembawa yang sebelum ini telah didaftarkan.

10 Setelah mengaktifkan akaun WAKIL PELANGGAN di dalam MyPUSPAKOM, bagaimana saya boleh mengetahui pengaktifan saya berjaya?

Setelah selesai mengisi maklumat di dalam MyPUSPAKOM, sistem akan menghantar e-mel pengaktifan secara automatik ke email yang telah didaftarkan. WAKIL PELANGGAN perlu mengaktifkan akaun untuk membuat tempahan pemeriksaan.